

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

Project: Bakeri Harmoni

Aktiviti rehabilitasi psikiatri –memasak (BAKERI HARMONI)

**Tempat: Unit Pemulihan Carakerja (Pemulihan Psikiatri) Hospital Alor Star,
Kedah Darulaman**

Latar belakang projek:

Pesakit-pesakit psikiatri yang telah lama mengidap penyakit mental perlu dilatih dalam kemahiran yang memberikan mereka keyakinan diri serta membuka ruang untuk tujuan mencari pendapatan supaya mereka boleh hidup berdikari. Maka satu projek telah dipilih untuk memberi munafaat kepada mereka iaitu projek bengkel membuat roti dan biskut (Bakeri).

Objektif projek:

1. Memberikan skil latihan kerja (work skill) kepada pesakit yang mendapat rawatan pesakit dalam mahupun pesakit luar. Pesakit yang sesuai akan dikenalpasti dan dirujuk oleh Pakar Perunding Psikiatri /Pegawai Perubatan yang merawat / kakitangan Jabatan.
2. Mengajar kemahiran merancang, mengadun, membakar dan membungkus bun dan cara membuat beraneka jenis biskut.
3. Memberi pendedahan terhadap aspek pemasaran dan menjual produk yang dihasilkan.
4. Memberi peluang mendapat pendapatan sampingan semasa menghadiri sessi pemulihan ini .

CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007

5. Memberi kemahiran dan keyakinan diri untuk hidup berdikari.
6. Menanamkan jalinan kerjasama, setiakawan dan memberikan sokongan antara satu klien dengan klien yang lain.
7. Melatih kemahiran pengurusan kewangan untuk membolehkan klien berdikari dalam kehidupan seharian.
8. Mengajar klien kemahiran menyediakan makanan seimbang dan berkhasiat untuk diri dan juga keluarga (piramid makanan seimbang).
9. Mengajar tentang keselamatan dan penggunaan peralatan yang tajam serta cara penggunaan peralatan elektrik yang betul.
10. Mengajar peradaban makan yang betul semasa makan bersama.

Kriteria Pemilihan Pesakit:

1. Pesakit yang sudah stabil .dan tiada kecacatan fizikal.
2. Mempunyai minat di dalam memasak .
3. Boleh bertutur dan faham Bahasa Malaysia/ Bahasa Inggeris
4. Memerlukan skil kemahiran kerja asas iaitu membuat kek,bun dan biskut.
5. Memerlukan skil untuk menguruskan wang.
6. Perlu mempelajari skil komuniti.
7. Perlu meningkatkan skil bersosial. .

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

Jenis penilaian yang digunakan oleh Jurupulih Perubatan Carakerja adalah:

- 1) FUNCTIONAL ABILITY ASSESSMENT
- 2) CANSAS (Camberwell Assessment of Needs Short Schedule)

Setiap pesakit yang dirujuk akan dibuat penilaian terlebih dahulu. Penilaian amatlah penting untuk mengetahui:

- 1) Sejarah keluarga
- 2) Sejarah Perubatan
- 3) Sejarah Kerja (Work History)
- 4) Ubatan yang diambil

Semuanya dianalisa dan dibuat pelan penjagaan individu. Setiap pesakit mempunyai pelan penjagaan individunya yang tersendiri. Di dalamnya terdapat:

- a) Tujuan rawatan
- b) Jenis aktiviti yang akan dijalankan
- c) Tempoh perlaksanaannya
- d) Pemantau aktiviti.

Secara idealnya, pelan ini perlu dibincang bersama pesakit serta keluarga pesakit agar mereka dapat bersama-sama melaksanakan apa yang dirancang dengan teratur dan jelas. Ianya amatlah penting bagi mendapat hasil pemulihan yang lebih baik jika adanya kerjasama dan sokongan daripada keluarga pesakit.

Setelah penilaian pertama dibuat dan jangkamasa telah ditetapkan di dalam pelan tadi maka selepas mencapai jangkamasa yang telah ditetapkan penilaian kali kedua

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

adalah dilaksanakan sekali lagi untuk mengetahui samada ada perubahan (improvement) dan jika ada tujuan rawatan pemulihan yang belum dicapai maka adalah perlu dibuat pengubahsuaian tujuan rawatan pemulihan untuk mendapat pencapaian yang lebih baik untuk setiap pesakit.

Penilaian yang dijalankan perlulah berterusan sehingga kesemua tujuan jangka pendek dan jangka panjang yang disenaraikan di dalam pelan penjagaan individunya tercapai. Proses pemulihan memerlukan jalinan yang mampan antara 'multidisciplinary team' dan juga ahli keluarga pesakit.

Pelaksanaan projek:

- Projek ini telah mendapat bantuan dana dari Persatuan Psikiatri Malaysia (Malaysian Psychiatric Association) melalui program "CIRCLE OF CARE". Peruntukan sebanyak RM 7,000.00 telah diterima.
- Sebanyak RM 5440.00 telah dibelanjakan untuk membeli peralatan bakeri seperti :

1) Mesin pengadun tepung,-	RM 800.00
2) Oven x 2	- RM 2,400.00
3) Peti ais	- RM 1,300.00
4) Almari barang	- <u>RM 940.00</u>
	RM 5440.00

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

- Lokasi bakeri ini dijalankan di dapur Wad Perempuan Psikiatri lama .
- Projek ini telah dirasmikan oleh Dato' Dr Zahari bin Che Dan , Pengarah Kesihatan Negeri Kedah pada 2 hb Disember 2004 di Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental , Hospital Alor Star, Kedah dan secara rasminya dinamakan “ **BAKERI HARMONI** “.
- Bakeri Harmoni beroperasi untuk tiga hari sahaja iaitu pada hari Ahad, Isnin dan Selasa dari jam 9 pagi hingga 12.30 tengahari.
- Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah membuat donut , bun berinti sardin pelbagai jenis kek seperti chiffon pandan, oren , coklat , kek marble., kek coklat moist dan lain-lain.
- Biasanya 4 orang klien akan dilatih pada satu masa dibantu oleh tenaga kerja terdiri daripada seorang Jurupulih Perubatan Carakerja , seorang Pembantu Perawatan Kesihatan (perempuan) dan seorang anggota perempuan mengikut giliran dari Wad Perempuan Psikiatri. Mereka dilatih dari mula proses membuat sehingga membakar. .
- Seorang klien yang pernah memiliki bakeri sendiri telah bersetuju untuk memberi tunjuk ajar dan memberi bimbingan dalam menjayakan projek ini. Klien ini telah banyak membantu di dalam melatih pesakit menjalankan aktiviti-aktiviti di Bakeri Harmoni. Ada juga peralatan memasak yang disumbangkannya selain daripada sumbangannya mengajar pesakit lain.
- Klien yang baru dirujuk akan diberi tunjukajar dari awal sehingga akhir proses melaksanakan setiap masakan yang perlu dipelajari di Bakeri Harmoni..

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

- Pesakit lelaki dan perempuan boleh menyertai Bakeri Harmoni kerana ianya bergantung kepada situasi pesakit. Jika pesakit lelaki ia tinggal seorang diri dan tidak berkeluarga maka amatlah perlu ia mempelajari skil memasak. Minat juga memainkan peranan yang penting di dalam perkara ini.
- Pihak keluarga juga memainkan peranan yang amat penting di dalam proses pemulihan pesakit. Mereka juga digalakkan untuk menyertai aktiviti bakeri bersama ahli mereka untuk mereka mengetahui cara-cara untuk melatih ahli keluarga mereka menjalankan aktiviti semasa di rumah. Masa yang lebih panjang adalah bersama keluarga maka amatlah dititikberatkan penyertaan keluarga jika mereka boleh bersama-sama semasa aktiviti.
- Selain daripada keluarga, Kumpulan Sokongan Keluarga Psikiatri juga memainkan peranan yang penting di dalam proses pemulihan pesakit. Sumbangan mereka di dalam projek Bakeri Harmoni ini juga dapat membantu pesakit. Ada di antara mereka yang membantu di dalam memasarkan hasil bakeri untuk dijual di kedai-kedai luar.
- Ada antara klien psikiatri lelaki yang dilatih untuk menjual hasil Bakeri di dalam Hospital Alor Star, Kedah termasuk di Klinik Pakar Perunding Psikiatri.

CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007

Pencapaian

- Seorang pesakit harian yang menyertai bakeri telahpun mulai menunjukkan perkembangan positif di mana dia telah mulai membantu ibunya membawa kuih ke kedai makanan untuk dijual.
- Pesakit yang lain pula telah mulai menunjukkan minat untuk memasak biskut raya sendiri di rumah
- Ada di antara klien Psikiatri yang telah diberi kepercayaan membuka perniagaan sendiri dengan bantuan modal dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Alor Star , Kedah.
- Bakeri harmoni telah mengadakan aktiviti khas iaitu jualan biskut raya setiap kali sempena menyambut Hari Raya mulai tahun 2004 -2006. Pencapaiannya adalah seperti berikut :
 - Jualan biskut pada tahun 2004 adalah sebanyak RM1,138.00
 - Jualan biskut raya pada tahun 2005 adalah sebanyak RM 604.35
 - Jualan biskut raya pada tahun 2006 adalah sebanyak RM 1,711.00. Upah kepada 6 orang pesakit yang menyertai projek jualan hari raya telahpun diberikan sebanyak :RM 470.00. Keuntungan bersih sebanyak:RM 580.00 telah diserahkan kepada bendahari Persatuan Psikiatri Negeri Kedah.

inisiatif pesakit untuk lebih berusaha dan maju ke hadapan di dalam kehidupan seharian mereka. Walaupun kejayaan yang ditunjukkan adalah tidak begitu besar namun keberkesanannya adalah begitu memberansangkan kepada pesakit yang menyertainya. Bakeri telah mengembang sayapnya dengan memperkenalkan hasil

**CIRCLE OF CARE
PROJECT PRESENTATION GATHERING
7 APRIL 2007**

jualannya yang terbaru iaitu pizza Oleh itu, adalah diharapkan Bakeri Harmoni ini dapat memberikan sumbangan yang besar didalam memberikan pemulihan kepada klien-klien Psikiatri agar mereka dapat kembali berdikari sehingga ke tahap yang maksima dan kembali ke pangkuan keluarga dan komuniti khasnya .



Papan tanda masuk ke bakeri

Seorang pesakit sedang membuat aktiviti di Bakeri Harmoni



Seorang pesakit dan kakitangan sedang menyiapkan kek di Bakeri Harmoni